

PRAKTIS 4

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan bahasa dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- Hasil pendapatan negara melalui sektor pelancongan ditafsirkan berjumlah beribu ringgit.
 A ditaksirkan berjumlah ribuan
 B ditafsirkan berjumlah ribuan
 C ditafsirkan berjumlah beribu-ribu
 D ditafsirkan berjumlah beribu
- Suraya memasakkan neneknya bubur nasi berlauk untuk makan malam.
 A memasak neneknya
 B memasaki neneknya
 C dimasakkan neneknya
 D memasakkan neneknya
- Azeem membelikan pisang goreng keju untuk adik-adiknya di rumah.
 A membeli goreng pisang keju
 B membeli pisang keju goreng
 C membeli pisang goreng keju
 D membelikan pisang goreng keju
- Oleh kerana sikap pengurus yang tidak amanah, syarikat itu menanggung kerugian besar.
 A Oleh sebab bersikap
 B Oleh kerana bersikap
 C Oleh sebab sikap
 D Oleh kerana sikap
- Setelah tujuh tahun merantau ke luar negara, Ruby akhirnya pulang ke pangkuan keluarganya semula.
 A pulang pada pangkuan keluarganya semula
 B pulang kepada pangkuan keluarganya semula
 C pulang semula ke pangkuan keluarganya
 D pulang ke pangkuan keluarganya semula
- Restoran makanan segera itu menjadi pilihan ramai kerana menyajikan pelbagai hidangan-hidangan enak.
 A menyajikan hidangan-hidangan enak yang pelbagai
 B menyaji pelbagai hidangan-hidangan enak
 C menyajikan pelbagai hidangan enak
 D menyajikan pelbagai hidangan-hidangan enak
- Nenek bercerita tentang kisah zaman mudanya kepada kami.
 A menceritakan tentang kisah
 B mencerita tentang kisah
 C berceritakan tentang kisah
 D bercerita tentang kisah
- Sultan Muzaffar Syah terpaksa memperisteri permaisuri baginda, Tun Kudu dengan Seri Nara Diraja untuk mengelakkan perpecahan penduduk Melaka.
 A memperisterikan permaisuri baginda
 B beristerikan permaisuri baginda
 C memperisteri permaisuri beliau
 D memperisteri permaisuri baginda
- Perabot yang rosak itu telah dibaiki oleh kami minggu lepas.
 A kami telah baiki
 B telah kami baiki
 C kami telah membaiki
 D telah dibaiki oleh kami
- Semua penduduk kampung perlu saling membahu antara satu sama lain untuk membersihkan kawasan sekitar.
 A saling bahu-membahu di antara
 B saling bahu-membahu antara
 C saling membahu di antara
 D saling membahu antara